

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**PPG 317 – KAEDAH MENGAJAR SEJARAH II**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN :**

Jawab **SOALAN NO. 1 (WAJIB)** dan **TIGA (3)** soalan yang lain.

1. (a) Terdapat perbezaan antara matlamat pendidikan Sejarah Tingkatan VI dengan matlamat pendidikan Sejarah Tingkatan IV dan Tingkatan V. Jelaskan dua daripada perbezaan tersebut.  
(10 markah)
- (b) Bincangkan sejauh mana tajuk-tajuk Sejarah Tingkatan IV dan Tingkatan V dapat memenuhi objektif kurikulum Sejarah.  
(15 markah)

Jawab **TIGA (3)** soalan lain.

2. Peta konsep digunakan sebagai satu kaedah dalam pengajaran. Sebagai guru Sejarah Tingkatan IV, sediakan satu rancangan pengajaran yang mengaplikasikan kaedah tersebut.  
(25 markah)
3. (a) Bincangkan **LIMA (5)** kelebihan pendekatan konstruktivisme berbanding dengan kaedah konvensional dalam pengajaran Sejarah. Jawapan anda hendaklah disertakan dengan contoh-contoh yang sesuai.  
(10 markah)
- (b) Pilih **SATU (1)** tajuk pengajaran Sejarah untuk Tingkatan V dan dengan menggunakan Model Needham, jelaskan aktiviti yang boleh anda sediakan pada fasa penstruktur semula idea, aplikasi idea dan refleksi. Nyatakan juga alat bantu mengajar yang boleh anda gunakan bagi meningkatkan pemahaman pelajar.  
(15 markah)
4. Pilih **TIGA (3)** daripada kaedah berikut dan bincangkan cara anda dapat meningkatkan minat dan pemahaman pelajar terhadap Sejarah dengan menggunakan kaedah tersebut. Jawapan anda hendaklah disertakan dengan contoh-contoh yang sesuai.
  - a. Kaedah lakonan
  - b. Kaedah perbincangan
  - c. Kaedah cerita
  - d. Kaedah inkuiiri  
(25 markah)

5. Kajian tindakan menggalakkan guru menjadi penyelidik dan membaiki amalan mereka di dalam bilik darjah. Sebagai seorang guru sejarah, bincangkan langkah-langkah yang boleh anda laksanakan bagi satu gelungan kajian tersebut. Jawapan anda hendaklah disertakan dengan contoh-contoh yang sesuai bagi tajuk Tingkatan IV.  
(25 markah)
  
6. Sejauh manakah anda bersetuju jika dikatakan pendidikan Sejarah dapat meningkatkan kemahiran berfikir kritis dan kreatif pelajar. Jawapan anda hendaklah disertakan dengan **EMPAT (4)** contoh yang sesuai bagi setiap peringkat kemahiran berfikir tersebut.  
(25 markah)

- oooOooo -